

29/06/2002

Sokongan diberi kepada Pak Lah ganti Dr Mahathir

Teh Kean Kiat; Magendran Rajagopal

SEMUA akhbar berbahasa Cina dan Tamil menyatakan sokongan terhadap Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, untuk menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri tahun depan.

Pada masa sama, spekulasi turut timbul berikutan Dr Mahathir hanya menyatakan Abdullah sebagai penggantinya manakala siapa yang bakal menjadi timbalan Pak Lah di dalam kerajaan dan Umno masih menjadi teka-teki.

Pemerhati politik dipetik China Press, Khamis lalu, sebagai menjangkakan dasar negara tidak akan berubah besar dalam jangka pendek kerana Abdullah adalah anak didik Dr Mahathir.

Dari segi pelaksanaan dasar pula, ia dijangka tidak akan tersasar jauh daripada cara Dr Mahathir dan paling penting ialah semua pihak tidak harus membuat perbandingan di antara kedua-duanya kerana tindakan itu adalah tidak adil buat Abdullah.

Kelmarin, editorial China Press menasihatkan rakyat supaya belajar menerima Abdullah sebagai pengganti Dr Mahathir dan akhbar itu percaya beliau akan mendapat sokongan penuh masyarakat.

Menurut akhbar itu, walaupun pertuturan Abdullah tidak sehebat bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sikapnya yang sederhana dan mesra rakyat dianggap satu kelebihan.

Penganalisis semasa Nanyang Siang Pau, Khamis lalu, berpendapat kejutan Dr Mahathir berundur daripada arena politik seakan-akan sama dengan cara Perdana Menteri ketiga, Allahyarham Tun Hussein Onn, pada 1980.

'Ilham' Hussein meletak jawatan pada 1980 tidak jauh daripada pemilihan Umno pada Jun 1981 dan kerajaan Barisan Nasional (BN) pada masa itu boleh mentadbir sehingga September 1983.

Sekarang, kemungkinannya adalah besar untuk Dr Mahathir mengikut jejak serupa, iaitu mengadakan pemilihan parti tahun depan bagi mengukuhkan kedudukan Abdullah dalam Umno dan seterusnya memimpin BN pada pilihan raya umum akan datang.

Penulis menegaskan, selagi Dr Mahathir kekal sebagai Presiden Umno, beliau masih mempunyai ruang besar untuk memastikan Abdullah menggantikan tempatnya dalam keadaan tidak dicabar oleh mana-mana pemimpin Umno. Sebaliknya, jika pemilihan parti ditangguhkan, perebutan mungkin berlaku.

Pemilihan parti diadakan sebelum pilihan raya umum turut mempunyai kelebihan, iaitu calon Timbalan Presiden Umno boleh ditentukan oleh perwakilan parti.

Editorial Nanyang Siang Pau, Khamis lalu, sependapat bahawa Pak Lah perlu mencari penggantinya supaya proses peralihan kuasa secara menyeluruh berjalan lancar dan dapat mengelakkan ketidakstabilan dalam Umno.

Khamis lalu, penganalisis semasa Sin Chew Jit Poh berpendapat, besar kemungkinan pemilihan Umno akan ditunda untuk memberi laluan kepada pilihan raya umum kerana Dr Mahathir hanya akan meletak jawatan selepas Oktober 2003.

Dr Mahathir dipercayai akan terus menjadi Presiden Umno sehingga Oktober 2003 sebelum diganti oleh Abdullah. Pemilihan parti yang diadakan selepas itu akan menjadi pentas untuk Abdullah dan timbalannya bertukar jawatan secara rasmi.

Sementara itu, semua penerbitan media bahasa Tamil tempatan, terutama Tamil Nesan (Nesan) dan Malaysia Nanban (Nanban), terus memberi liputan luas terhadap kejutan peletakan jawatan Dr Mahathir.

Editorial Nesan menyatakan Perdana Menteri tidak wajar melepaskan segala tanggungjawab secara spontan kerana agenda pembangunan yang dirancangnya masih belum selesai dan kehadiran beliau dalam politik tanah air masih penting.

Menurut akhbar itu, walaupun negara tidak ketandusan calon berwibawa bagi menggantikan Dr Mahathir, rakyat secara umumnya belum bersedia untuk menerima pertukaran pucuk pimpinan secara mendadak sedangkan beliau masih mendapat sokongan padu bagi meneruskan tugasnya.

Nesan turut memetik kenya taan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, sebagai menaruh harapan tinggi agar Dr Mahathir kekal sebagai Perdana Menteri atas permintaan rakyat walaupun menghormati keputusan beliau untuk berundur selepas Oktober tahun depan.

Nanban pula menyatakan, kebanyakan penyokong pembangkang yang sering menggesa Dr Mahathir memberi laluan kepada pemimpin lain juga tidak dapat menerima keputusan beliau untuk berundur kerana bimbang kesinambungan pembangunan dan keamanan negara akan tergugat.

Editorial akhbar itu mencadangkan supaya Perdana Menteri menimbangkan kemungkinan kembali bergiat dalam arena politik negara selaku Menteri Kanan tanpa portfolio bagi memastikan negara tidak kehilangan sentuhan kepimpinan beliau.

Dalam perkembangan lain, Majlis Bertindak Sekolah-Sekolah Tamil, dalam satu perjumpaan Sabtu lalu, meminta Kementerian Pendidikan memaklumkan keadaan terkini sekolah Tamil di seluruh negara sebagai susulan kepada permintaan badan itu dua tahun lalu.

Nanban memetik kenyataan Samy Vellu sebagai berkata, pertemuan itu juga bertujuan merancang perjumpaan antara semua ahli jawatankuasa yang akan merangka lawatan ke semua sekolah Tamil di setiap negeri.

MIC, pada Oktober 2000, sudah menghantar satu laporan terperinci mengenai rancangan pembangunan dan hala tuju Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Tamil di seluruh negara bagi tempoh 10 tahun akan datang kepada Kementerian Pendidikan.

(END)